



SOP PKPD DI AMBER COURT APARTMENT, RIA APARTMENT & RUMAH KONGSI KG. SEMAUT, MUKIM BENTONG, PAHANG

Dikemaskini pada 10 Disember 2020

Waktu Berkuat Kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

- Seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barangan keperluan;
- Perkhidmatan perlu (*essential services*) dengan kebenaran PDRM; &
- Petugas yang menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM; &
- Pergerakan masuk/keluar ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang terlibat	A) Amber Court Apartment B) RIA Apartment C) Rumah Kongsi Kg. Semaut
Tempoh kuat kuasa	10 Disember 2020 (12.01 pagi) hingga 23 Disember 2020 (11.59 malam)
Kawalan pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA. • Laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM. • Semua penduduk di dalam kawasan PKPD TIDAK DIBENARKAN keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing kecuali seorang (1) sahaja wakil isi rumah dibenarkan keluar hanya untuk mendapatkan bekalan makanan dan keperluan asas di premis perniagaan yg dibenarkan oleh PDRM. • Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian DIBENARKAN setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.
Saluran makanan dan keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi kawasan dan penduduk yang terputus bekalan makanan dan keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri/Daerah dan diagihkan oleh APM dan JKM. • Sumbangan keperluan makanan dari NGO dan lain-lain akan diselaraskan oleh PKOB Negeri/Daerah.
Aktiviti dalam kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti ekonomi dan industri, perladangan, perikanan, pertanian, pelancongan, pusat jagaan kanak-kanak (tadika, tabika, taska), perniagaan, majlis rasmi termasuk mesyuarat, majlis sosial, kebudayaan, industri kreatif, pendidikan, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, sukan dan rekreasi adalah TIDAK DIBENARKAN. • Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM. • Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.